

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 17/06/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa, Cuepacs Jalin Kerjasama Strategik Jaga Kebajikan Penjawat Awam, Kakitangan GLC

Tarikh kemaskini: 17/06/2017

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan menjalin kerjasama strategik dalam usaha menjaga kebajikan 1.7 juta penjawat awam dan kakitangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata kerjasama itu membolehkan pihaknya bersama Cuepacs mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung isu berkaitan golongan berkenaan untuk dibawa kepada pihak kerajaan.

"Kita akan lihat secara keseluruhan setiap masalah yang dihadapi penjawat awam dan kita akan mencari strategi untuk menyelesaikan perkara tersebut misalnya isu berkaitan kenaikan kos sara hidup dan beberapa perkara lain demi menjaga kepentingan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-35 Koperasi Serbaguna Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (Kospeta) Malaysia Berhad yang turut dihadiri Presiden Cuepacs Datuk Azih Muda merangkap Pengerusi Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.

Dalam pada itu, Azih berkata pihaknya berharap supaya kerajaan mengambil pandangan daripada Angkasa dan Cuepacs sebelum melaksanakan sesuatu dasar berkaitan penjawat awam dan kakitangan GLC.

"Kita mahu kerajaan tidak mengasingkan kami (Angkasa dan Cuepacs) supaya kami boleh memberi pandangan seperti dalam diskusi bajet dan penggubalan undang-undang baharu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azih berkata kerajaan perlu mengkaji bagi menetapkan gaji minimum penjawat awam kepada RM4,000 menjelang 2020.

"Sekarang ini gaji minimum RM1,200, penjawat awam tidak mampu memiliki rumah pun sebenarnya. Kalau ada sesiapa cakap dengan gaji RM1,200 mereka mampu membeli rumah, saya rasa ini pembohongan yang besar kecuali kerajaan memberi subsidi sebanyak 90 peratus," katanya.

-- BERNAMA